

## Keserataan Bahasa dan Budaya dalam Penterjemahan

Language and Cultural Similarity in Translation.

TUAN NUR AISYAH TUAN ABDUL HAMID

### *ABSTRAK*

*Aktiviti terjemahan bahasa bukanlah sekadar penterjemahan semata-mata. Tetapi ia merupakan satu langkah untuk memindahkan perasaan dan idea penulis daripada bahasa sumber kepada bahasa sasaran. Hal ini membuktikan bahawa bahasa dan budaya mempunyai satu ikatan yang utuh dan tidak dapat dipisahkan. Sekiranya sesebuah penulisan tidak diterjemahkan dengan baik, budaya yang digambarkan dalam bahasa sumber tidak dapat diketahui dan difahami oleh pembaca sasaran. Oleh itu, kajian ini bermatlamat mengenal pasti keserataan bahasa dan budaya dalam penterjemahan pantang larang. Seterusnya kajian ini akan menganalisis kesemua penggunaan bahasa dalam penterjemahan pantang larang tersebut. Seramai 24 orang pelajar kelas penterjemahan daripada Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia telah dijadikan sebagai responden dalam menterjemahkan ayat pantang larang dalam budaya Melayu ke bahasa Inggeris. Kajian ini mendapati bahawa pantang larang daripada bahasa sumber iaitu bahasa Melayu sukar diterjemahkan secara tepat ke dalam bahasa sasaran, iaitu bahasa Inggeris. Hal ini demikian kerana responden bukan penutur jati bahasa sasaran untuk menterjemahkan budaya secara harfiah. Kajian juga mendapati terdapat responden yang tidak berupaya menganalisa unsur-unsur budaya yang terdapat dalam ayat pantang larang dengan tepat. Akibatnya, ketidak upayaan ini telah menimbulkan dan menyebabkan berlakunya kekeliruan makna dan kesalahan penggunaan kosa kata.*

*Kata kunci:* Terjemahan; budaya; pantang larang; keserataan bahasa

### *ABSTRACT*

*Language translation is not merely a direct translation. Instead, it is a step forward in transferring the author's feelings and ideas from the source language to the target language. This proves that language and culture have a strong and inseparable bond. If a piece of writing is not well translated, the culture depicted in the source language may not be understood and most likely to be misinterpreted by the target reader. Hence, this study aims to identify linguistic and cultural similarities in taboo translation. This study will analyze all the uses of language in the translation of the taboo. A total of 24 students from the Faculty of Modern Languages and Communications, Universiti Putra Malaysia participated as respondents in translating the banned sentences in Malay culture into English. This study found that the taboo from the source language, which is Malay, is difficult to be translated accurately into the target language, that is, English. This is because respondents are neither native speakers of the target language nor to translate the culture literally. The study also found that respondents were not able to accurately analyze the cultural elements contained in the taboo. As a result, this inconvenience has led to misunderstandings and misinterpretations of meaning and vocabulary.*

*Keywords:* Translation; culture; taboo; language equality

### PENGENALAN

Pantang larang merupakan salah satu unsur budaya yang sukar untuk diterjemahkan. Hal ini kerana, setiap bangsa mempunyai pantang larang atau adat yang tersendiri. Apabila tiada dalam unsur budaya tersebut dalam bahasa sasaran menyebabkan penterjemah sukar mencari padanan kata yang sesuai bagi menggambarkan pantang larang tersebut. Tambahan pula, latar masyarakat sesuatu bangsa dapat dilihat dalam unsur budaya yang

dikekalkan dalam teks terjemahan. Di samping itu, penceritaan budaya dalam sesuatu teks sumber dapat dikekalkan makna bahasa dan budayanya. Apabila perbezaan antara bahasa sumber dan bahasa sasaran semakin banyak, maka perubahan yang dilakukan juga semakin banyak (Ainon Muhammad & Abdullah Hassan 2005). Perbezaan dalam bahasa dan budaya menyebabkan terjemahan bahasa sumber kepada bahasa sasaran menjadi semakin kompleks. Sesetengah penterjemah yang ingin mengekalkan gaya penulisan pengarang asal

akan menterjemah tanpa disesuaikan dengan bahasa dan budaya bahasa sasaran. Sebaliknya, terdapat juga penterjemah yang akan menyesuaikan bahasa dan budaya bagi bahasa sasaran. Menurut Shanty Halim & Bustamin A.R (2017) masalah terjemahan yang ketara ialah penyimpangan dalam pemilihan kata perumpamaan, struktur frasa dan klausa yang menyebabkan struktur tatabahasa terjejas. Penterjemah yang mempunyai kurang pengalaman dan kekurangan kosa kata dalam bahasa sumber dan bahasa sasaran dan menterjemahkan secara harfiah menjadi punca utama masalah dalam penterjemahan. Hubungan kesepadan makna dianggap sebagai yang terpenting daripada sebuah terjemahan yang berkualiti namun, sebenarnya menghadapi perbezaan daripada segi linguistik dan budaya bagi bahasa sumber dan bahasa sasaran. Makna yang ingin diterjemahkan seharusnya mempunyai perkaitan antara ayat terjemahan tersebut. Jika diterjemahkan secara harfiah, makna sebenar yang ingin disampaikan tidak akan difahami oleh pembaca sasaran. Selain itu, Noer Jihad Saleh (2014) beranggapan bahawa penterjemah cenderung menterjemahkan teks bahasa sumber lalu mengabaikan proses terjemahan yang betul kerana menterjemahkan secara langsung tanpa disesuaikan dengan ayat. Hal ini disokong oleh kajian daripada Khoirun Nisa Imam Suyitno (2017) yang beranggapan bahawa mahasiswa yang melakukan terjemahan, kurang memberi perhatian dalam penggunaan tatabahasa bagi menterjemahkan daripada teks sumber kepada teks sasaran.

#### SOROTAN KAJIAN

Menurut Noor Eliza Abdul Rahman, Raja Hazirah Raja Sulaiman dan Najihah Abdul Wahid (2015), telah menjalankan kajian yang bertajuk ‘Penterjemahan Unsur Budaya dalam Sari Kata Drama Flag of Truth’. Hasil daripada kajian tersebut, didapati bahawa terdapat beberapa kaedah seperti kaedah peminjaman, penterjemahan literal, padanan budaya, padanan fungsian, kuplet dan modulasi telah digunakan untuk menterjemahkan unsur budaya. Kaedah literal perlu digunakan bagi menterjemah budaya daripada bahasa Arab yang juga terdapat dalam bahasa sasaran, kaedah asimilasi pula digunakan untuk menterjemahkan unsur budaya yang diserap ke dalam bahasa Melayu. Budaya Arab masih belum terkenal dalam bahasa sasaran. Oleh itu, penterjemah perlu meneliti

makna fungsi dan bentuk sebelum diterjemahkan. Kajian ini menyokong pendapat oleh Abdul Basir (2002) bahawa terdapat perbandingan antara dua bahasa, iaitu bahasa Arab dan bahasa Melayu yang lebih menumpukan kepada titik perbezaan antara kedua-duanya. Walau bagaimanapun, menurut Popi Miyondri (2017) bagi terjemahan yang hampir sama dengan terjemahan teks asal, penterjemah itu dianggap setia dengan teks sumber. Hal ini kerana, penterjemah tersebut menggunakan gaya penterjemahan yang hampir sama dengan penulis karya asal dengan menyesuaikan unsur-unsur budaya dengan pembaca sasaran.

Chris Ning Tyas (2014) telah menjalankan kajian yang bertajuk *The Translation of Figurative Language in The Poetry “The Morning After”*. Pengkaji mendapati bahawa hiperbola merupakan kiasan yang paling banyak terdapat dalam puisi tersebut. Sementara itu, terdapat empat jenis terjemahan yang ditemukan iaitu terjemahan literal modifikasi, terjemahan literal, terjemahan idiomatik dan terjemahan *free unduly*. Selain daripada itu, Nurulhanis Ibrahim (2014) berpendapat bahawa strategi penterjemahan yang kerap digunakan oleh penterjemah ialah menggantikan peribahasa Melayu dengan peribahasa Arab yang mempunyai maksud yang sama. Kajian juga mendapati bahawa diksi boleh menimbulkan masalah kepada penterjemah, khususnya kata ganti nama diri kedua, peribahasa dan bahasa kiasan. Begitu juga dengan unsur budaya kerana banyak perkataan yang berkait dengan unsur budaya ini tidak dapat diterjemahkan dengan baik. Namun demikian, kajian oleh Yogi Rohana, Riyadi Santosa dan Djatmika (2017) merumuskan bahawa teknik terjemahan yang meliputi teknik kesepadan lazim, variasi, transposisi, dan modulasi mampu mempertahankan gaya bahasa sumber. Teknik tersebut mampu untuk penghasilan terjemahan yang tepat walaupun kesan penceritaan daripada teks sumber kurang sama berbanding teks sasaran.

Sementara itu, kajian oleh Wiwiek Dwi Astuti (2017) mendeskripsikan kesalahan penggunaan pemilihan kata, pembentukan kata, dan struktur ayat dalam teks terjemahan mahasiswa Jurusan Sastra Indonesia Fakulti Sastra UM. Kajian tersebut membahas beberapa cara terjemahan yang bagi bahasa sumber yang sukar diterjemahkan dan kewajaran terjemahannya dalam bahasa sasaran. Hasilnya, kajian tersebut memperlihatkan bahawa pergeseran struktur (*structure shift*) dan modulasi yang digunakan sebagai alat penterjemahan. Dalam pada itu, kajian oleh Paramita Widya Hapsari, M. R.

Nababan, Djatmika (2017) memperlihatkan bahawa teknik yang boleh digunakan bagi mengekalkan kualiti terjemahan ialah teknik kesepadan lazim, sedangkan teknik harfiah merupakan teknik yang akan menyebabkan berlakunya kekaburuan makna.

Selain daripada itu, Hartono (2017) mengandaikan terdapat dua jenis kesilapan dalam terjemahan iaitu kesilapan penyampaian maklumat dan kesilapan bentuk bahasa. Meskipun terdapat dua jenis kesilapan terjemahan namun kesilapan bentuk bahasa lebih dominan berbanding kesilapan penyampaian maklumat. Di samping itu, sumber yang menyebabkan berlakunya kesilapan tersebut ialah *interlingual transfer* (kesilapan yang muncul akibat pengaruh bahasa ibu) dan *intralingual transfer* (kesilapan yang muncul akibat pengaruh bahasa sumber). Daripada perspektif yang berbeza, Mei Yuniati (2017) mengandaikan bahawa kesilapan terjemahan berlaku akibat penggeseran makna. Penggeseran makna menyebabkan kekeliruan dalam mentafsirkan makna kerana perbezaan antara kedua-dua bahasa dalam mentafsir simbol. Daripada sudut lain pula, menurut Yusup Irawan (2016) implikasi daripada penggunaan pendekatan pengasingan dalam karya terjemahan boleh membuatkan pembaca bahasa sasaran merasai bahasa sumber novel tersebut sekali gus juga merasai budaya sumbernya.

Berdasarkan sorotan kajian di atas, objektif bagi kajian ini ialah mengenal pasti keserataan bahasa dan budaya dalam penterjemahan pantang larang dan menganalisis penggunaan bahasa dalam menterjemahkan pantang larang.

## POPULASI DAN PENSAMPELAN

Kajian ini dijalankan ke atas pelajar kelas terjemahan dari Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia. Pengkaji mengambil satu kelas terjemahan sahaja iaitu yang mempunyai seramai 24 orang pelajar di dalam kelas tersebut. Kesemua pelajar tersebut terlibat dalam kajian ini. Setiap orang pelajar mendapat tema yang sama iaitu pantang larang. Melalui tema yang diberikan, mereka dikehendaki menterjemahkan pantang larang yang mereka tahu.

## METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif. Seramai 24 orang responden yang telah diambil daripada

kursus terjemahan dalam Universiti Putra Malaysia. Seramai 24 orang responden tersebut, dikehendaki menterjemahkan pantang larang yang berbeza bagi setiap seorang. Lokasi bagi kajian ini ialah di Universiti Putra Malaysia. Prosedur bagi kajian ini ialah pengumpulan data, ‘membezabandingkan’ data, dan menilai pantang larang yang diterjemahkan.

## IMPLIKASI KAJIAN

Kajian ini akan memberi impak yang amat tinggi kepada:

### a) Penterjemah

Kajian ini penting terhadap golongan penterjemah terutamanya penterjemah yang baru memulakan kerjayanya sebagai seorang penterjemah. Setiap penterjemah sudah pasti menjumpai teks berkaitan unsur bahasa dan budaya untuk diterjemahkan. Melalui kajian ini, penterjemah dapat melihat penggunaan bahasa bagi menjelaskan unsur budaya. Penterjemah juga dapat mengetahui dan mempelajari penterjemahan unsur budaya.

### b) Bidang Penterjemahan

Melalui kajian yang dilakukan, bidang penterjemahan juga mendapat manfaatnya. Secara tidak langsung, penterjemah dapat mengetahui cara yang perlu dilakukan semasa menterjemah unsur budaya. Oleh itu, jika para penterjemah sudah mahir dalam menterjemah, bidang penterjemahan akan berkembang dengan pesatnya dan dapat menyaingi negara lain dalam perkembangan bidang ini. Pengkaji juga berharap melalui kajian penterjemahan unsur budaya dalam pantang larang ini dapat membantu dalam perkembangan bidang penterjemahan.

### c) Pemahaman dalam budaya luar

Penterjemah perlu menitikberatkan pemahaman budaya luar semasa menterjemah. Hal ini bagi mengelakkan berlakunya kekeliruan dan salah faham bagi masyarakat yang berbeza bahasa dan budaya. Penterjemahan teks daripada bahasa sumber kepada bahasa sasaran yang mempunyai unsur budaya akan menimbulkan salah faham kepada khalayak jika penterjemah tidak menterjemah unsur budaya tersebut dengan tepat dan betul.

Walau bagaimanapun, tidak dapat dinafikan perbezaan budaya menyebabkan beberapa terjemahan tidak dilakukan dengan tepat dan

betul. Oleh itu, kajian ini penting bagi pemahaman budaya luar bagi mewujudkan persefahaman dalam perbezaan budaya.

### KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN

Seramai 24 orang responden telah menterjemahkan pantang larang yang terdapat dalam masyarakat Melayu. Pada awalnya, responden perlu mencari pantang larang tersebut sebelum diterjemahkan dalam bahasa Inggeris. Pantang larang mempunyai budaya dan perbezaan yang dapat dilihat antara dua budaya. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2010), pantang larang ialah perbuatan yang terlarang dilakukan menurut adat atau kepercayaan, larangan dan tabu. Budaya dan bahasa juga dapat dilihat dalam simpulan bahasa, kiasan, dan peribahasa.

Kamus Dewan Edisi Keempat (2010) mendefinisikan simpulan bahasa sebagai ungkapan yang terdiri daripada dua perkataan atau lebih dan mempunyai makna yang berlainan daripada erti perkataan-perkataan yang membentuknya. Manakala, peribahasa pula membawa maksud ayat atau kelompok kata yang mempunyai susunan yang tetap dan mengandungi pengertian yang tertentu. Kiasan pula, ditakrifkan sebagai pertimbangan mengenai sesuatu perkara dengan perbandingan perkara yang lain. Menurut Norizah Ardi (2010) dalam buku ‘Asas dan Kemahiran Menterjemah’

menyatakan kiasan mempunyai maksud yang berbeza daripada maksud yang nyata atau maksud tersurat perkataan-perkataan tersebut.

Seterusnya, Norizah Ardi (2010) juga ada menyatakan bahawa setiap bahasa memiliki cara atau kaedah tersendiri untuk mencipta istilah berbentuk peribahasa dan bahasa kiasan. Kenyataan tersebut dapat dikuatkan lagi dengan pendapat Von Humbolt (1767) yang menyatakan bahawa terdapat hubungan yang rapat antara pemikiran masyarakat, bahasa dan budaya (Zaitul Azma Zainon Hamzah dan Ahmad Fuad Mat Hassan 2011). Jadi jelaslah bahawa simpulan bahasa, peribahasa dan bahasa kiasan dalam sesuatu bahasa berbeza dengan bahasa lain dan boleh dianggap sebagai salah satu unsur budaya yang unik.

### ANALISIS DATA KESERATAAN BAHASA DAN BUDAYA DALAM TERJEMAHAN PANTANG LARANG

Analisis daptan 1 menunjukkan perkataan anak dara diterjemahkan secara berbeza oleh tiga orang responden. Mengikut Kamus Dewan Edisi Keempat (2010) maksud anak dara ialah perempuan yang sudah baligh (sudah boleh berkahwin) dan masih perawan, belum disetubuh (dicemari laki-laki). Walaupun seseorang wanita itu sudah berumur 50 tahun ke atas masih dipanggil anak dara sekiranya belum mendirikan rumah tangga.

JADUAL 1. Analisis Dapatan 1

Bil	Bahasa sumber	Bahasa sasaran	Keserataan
Responden 1	<b>Anak dara</b> tidak boleh duduk di tangga nanti tiada yang masuk meminang.	<i>Girls, should not sit on stairs if not she will not marry.</i>	Kurang tepat
Responden 2	<b>Anak dara</b> tidak boleh menyanyi di dapur kerana dikhuatiri kahwin dengan orang tua.	<i>Young lady should not sing in kitchen because you might end up marry an old woman.</i>	Kurang tepat
Responden 3	<b>Anak dara</b> tidak digalakkan makan asam kerana pada hari perkahwinan akan hujan lebat.	<i>Unmarried girls are not encouraged to consume sour foods because it is said that during their wedding it will rain heavily.</i>	Kurang tepat

Terdapat responden yang telah menterjemahkan anak dara sebagai *girls*. Namun yang membezakan terjemahan tersebut ialah penambahan perkataan *unmarried*. Penambahan perkataan *unmarried* juga tidak membawa maksud anak dara. Hal ini kerana, bagi masyarakat Barat, perkataan *girls*

merujuk kepada budak sekolah yang berumur dalam lingkungan 4 hingga 12 tahun. Bagi wanita yang berumur 13 tahun hingga 19 dikenal pasti sebagai *teenagers*. Seterusnya, umur 20 ke atas disebut sebagai *adolescent*. Hal ini mengakibatkan, perkataan *girls* kurang sesuai untuk merujuk kepada anak dara.

Dalam pada itu, terjemahan daripada responden yang seterusnya menggunakan *young lady* merujuk kepada anak dara juga hampir tepat terjemahannya. Walau bagaimanapun, perkataan *young lady* itu sendiri, merujuk kepada kebiasaan masyarakat memanggil seseorang wanita yang berusia antara 20 tahun ke atas. Wanita yang sudah berkahwin juga tetap dipanggil *young lady* asalkan wanita tersebut belum mencapai usia emas iaitu 50 tahun ke atas.

Oleh sebab itu, penggunaan *young lady* bagi merujuk kepada anak dara juga salah penggunaannya. Tiada istilah yang hampir tepat bagi menunjukkan perkataan tersebut digambarkan sebagai anak dara. Hal ini dapat dilihat kerana penterjemah seolah-olah terikat dengan bahasa sumber. Pengguna bahasa sasaran yang boleh memahami makna yang ingin disampaikan oleh penterjemah namun daripada sudut penggunaan bahasa tidak tepat.

JADUAL 2. Analisis Dapatan 2

Bil	Bahasa sumber	Bahasa sasaran	Keserataan
Responden 4	Tak boleh duduk atas bantal, nanti dapat <b>bisul</b> .	<i>In Malay culture we cannot sit on a pillow, because we will get rashes.</i>	Kurang tepat
Responden 5	Jangan duduk atas bantal, nanti naik <b>bisul</b> . Bantal digunakan sebagai alas kepala untuk tidur, kalau duduk atas bantal dikhuatiri bantal pecah.	<i>Do not sit on pillow, later might get blister.</i> <i>Pillow is used as a head rest and for sleep.</i>	Hampir tepat

Seterusnya, analisis dapatan yang kedua menunjukkan perkataan sama diterjemahkan oleh kedua-dua responden iaitu perkataan bisul. Responden 4 menterjemahkan perkataan tersebut menjadi *rashes*. Perkataan *rashes* tidak tepat jika merujuk kepada perkataan bisul. *Rashes* membawa maksud perubahan warna kulit dan gatal-gatal. Maksud perkataan dalam Kamus Dewan Edisi Keempat (2010), bisul pula ialah bengkak yang bernanah dan bermata pada kulit. Maka, terjemahan yang dilakukan oleh responden 4 tidak tepat.

Selain daripada itu, responden 5 pula menterjemahkan perkataan bisul menjadi *blister*. Terjemahan tersebut dianggap tepat kerana perkataan *blister* membawa makna bengkak yang dipenuhi

dengan cecair jernih di dalamnya. Oleh hal yang demikian, terjemahan responden 5 dianggap tepat kerana perkataan yang digunakan menunjukkan makna yang sama dengan terjemahan.

Responden 4 kurang pengetahuan tatabahasanya mengenai perkataan bisul dalam bahasa sasaran manakala responden 5 mengetahui perkataan bisul dalam bahasa sasaran. Kekeliruan yang diterjemahkan oleh responden 4 menyebabkan berlakunya kesilapan maklumat dalam terjemahan. Dapatan ini menyokong kajian yang telah dilakukan oleh Hartono (2017) yang menyatakan bahawa kesilapan yang sering dilakukan dalam terjemahan iaitu kesilapan dalam penyampaian maklumat.

JADUAL 3. Analisis Dapatan 3

Bil	Bahasa sumber	Bahasa sasaran	Keserataan
Responden 6	Jangan sapu <b>sampah</b> waktu malam nanti jatuh miskin.	<i>Do not sweep the garbage at night, later you get poor.</i>	Kurang tepat

Berdasarkan dapatan daripada responden 6 kalau dilihat daripada sudut terjemahan masih boleh difahami maknanya. Hal ini kerana penterjemah menggunakan terjemahan secara harfiah. Penterjemahan ini kurang tepat daripada segi penggunaan perkataannya. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2010), sampah membawa maksud benda-benda yang dibuang (kerana tidak

digunakan lagi) atau yang tidak dikehendaki (seperti kertas kotor, daun kering, debu) atau timbunan sampah. Ayat bahasa Melayu responden merujuk kepada sampah seperti sampah yang kecil atau debu. Manakala perkataan yang digunakan oleh responden bagi merujuk perkataan sampah ialah *garbage*. Namun, perkataan *garbage* merujuk kepada sampah bukannya debu atau dedaun kering.

Tambahan pula, penggunaan perkataan *garbage* turut memberi kesan dalam ketidaksesuaian perkataan. Perkataan *garbage* tidak boleh digandingkan dengan *sweep*. Jika perkataan tersebut dituturkan dalam kalangan masyarakat Malaysia, masih boleh difahami. Namun, apabila perkataan tersebut dituturkan kepada masyarakat Barat perkataan tersebut tidak salah cuma kedengaran agak pelik daripada segi maknanya. Ayat yang biasa digunakan contohnya ‘*sweep the floor*’ dan ianya tidak digandingkan dengan perkataan *garbage*.

Selain itu, dalam masyarakat Barat, penggunaan *garbage* merujuk kepada sampah dan bukannya kotoran, debu atau habuk. Oleh sebab itu, terjemahan yang dilakukan oleh responden 6 dianggap tidak serata daripada segi makna dan bahasanya. Responden tersebut terlalu terikat dengan bahasa sumber, dan menyebabkannya terjemahkan secara langsung tanpa disesuaikan dengan ayat. Penggunaan kata yang terlalu terikat dengan bahasa sumber akan menyebabkan padanan makna yang tepat akan berkurangan.

JADUAL 4. Analisis Dapatan 4

Bil	Bahasa sumber	Bahasa sasaran	Keserataan
7	Tak boleh duduk dekat tangga waktu maghrib, nanti dirasuk <b>hantu</b> .	In Malay culture, we believe that sitting on stairs at twilight the <b>ghost</b> will possess our body.	Hampir tepat

Responden 7 memberikan terjemahan berserta penerangan pada awal terjemahannya. Penerangan terjemahan yang diberikan oleh responden tidak salah namun yang menjadi kesalahan adalah pada kata yang digunakan oleh responden. Responden menterjemahkan kata hantu kepada *ghost*. Terjemahan secara literal atau harfiah dilakukan oleh responden menyebabkan kesalahan pada makna ayat terjemahannya. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2010), hantu bermaksud ciptaan khayalan manusia yang menakutkan atau menggerunkan. Definisi *ghost* dalam bahasa Inggeris pula ialah roh orang yang telah meninggal dunia yang dipercayai oleh masyarakat bahawa mereka boleh lihat atau dengar.

Berdasarkan makna yang diberikan pengkaji mendapati bahawa penggunaan *ghost* dalam terjemahan bahasa Inggeris adalah salah. Bahasa sumber menyatakan bahawa ‘nanti dirasuk hantu’ dan apabila diterjemahkan menjadi ‘*the ghost will possess our body*’. Hal ini kerana, makna dalam *ghost* bahasa Inggeris dapat dilihat dan di dengari tetapi tidak dapat masuk badan. Goh Sang Seong dan Azman Che Mat (2009) kajian ini membincangkan beberapa aspek yang berkaitan dengan penterjemahan dan budaya untuk membantu memantapkan usaha penterjemahan daripada bahasa Cina ke bahasa Melayu. Antaranya ialah penterjemahan budaya dan ketepatan penterjemahan budaya, menguasai tahap ketepatan penterjemahan

budaya, menguasai psikologi semasa penterjemahan, melindungi ciri-ciri tempatan bahasa sumber dan sebagainya.

Hal ini, dinyatakan juga dalam kajian yang dilakukan oleh Ainon Mohd & Abdullah Hassan (2005) iaitu apabila ada terjemahan yang melibatkan dua rumpun bahasa yang berbeza corak budayanya juga akan berbeza. Sesuatu perkara yang melibatkan budaya terutamanya pantang larang akan ditafsirkan secara berlainan kerana perbezaan pandangan budaya.

Oleh itu, budaya Barat tiada pantang larang yang menyatakan bahawa ‘Tak boleh duduk dekat tangga waktu maghrib, nanti dirasuk hantu.’ Budaya ini hanya diamalkan dan digunakan oleh masyarakat Melayu. Jika terjemahan tidak dilakukan dengan betul akan berlakunya kekeliruan makna bagi pembaca bahasa sasaran. Hal ini kerana, perbezaan budaya yang ketara ini menyebabkan berlakunya salah faham antara dua budaya jika tidak diterjemahkan dengan tepat. Pantang larang ini sebenarnya mempunyai maksud yang tersirat. Dalam budaya Melayu, masyarakat lebih gemar berkias untuk menyatakan sesuatu maksud. Maksud yang tersirat dalam pantang larang ini ialah larangan berada di tangga pada waktu maghrib kerana waktu maghrib merupakan waktu yang singkat dan pada ketika inilah mereka bersiap sedia untuk solat maghrib.

JADUAL 5. Analisis Dapatan 5

Bil	Bahasa sumber	Bahasa sasaran	Keserataan
8	Jangan bersiul dalam rumah. Nanti ular masuk.	Do not whistle in the house. Later the snake will coming.	Kurang Tepat

Terjemahan daripada responden 8 pula mengalami kesalahan tatabahasa iaitu daripada bahasa sasaran malah daripada sudut penterjemahan budaya kurang tepat. Hal ini adalah kerana, responden bukan penutur jati. Dapatan ini juga sama seperti kajian Azman & Goh (2010) menunjukkan bahawa masalah utama yang menjadi kesukaran pelajar mempelajari bahasa Arab adalah kerana nahu bahasa Arab.

Apabila membincangkan gangguan bahasa ibunda, sesetengah kesalahan berlaku disebabkan gangguan bahasa Arab standard dan sesetengahnya pula berpunca daripada bahasa Arab pasar (Abisamra 2003). Pengkaji berpendapat responden 8 mengalami gangguan tatabahasa pertama iaitu bahasa Melayu yang berbeza dengan tatabahasa bahasa Inggeris. Walau bagaimanapun, terjemahan responden ini daripada sudut budaya difahami oleh pembaca sasaran kalangan bukan penutur jati bahasa Inggeris.

Terjemahan tersebut tiada kesalahan daripada segi maknanya kecuali kesalahan bahasa yang digunakan. Tiada kesalahan terjemahan budaya yang dapat dikesan tetapi bagi masyarakat Barat mereka menganggap bahawa perbuatan bersiul itu perkara biasa dan tidak menjadi pantang larang buat mereka.

Berlainan pula dalam masyarakat Melayu yang melarang perbuatan bersiul kerana perbuatan tersebut dianggap tidak sopan dan tidak boleh dilakukan. Lebih-lebih lagi apabila bersiul di hadapan orang yang lebih tua, kerana perbuatan tersebut seolah-olah tidak menghormati orang tua. Oleh itu, masyarakat Melayu menjadikan pantang larang tersebut bagi menasihati dan mencegah masyarakatnya bersiul. Perkara ini, disokong oleh Ainon Mohd & Abdullah Hassan (2005) iaitu apabila ada terjemahan yang melibatkan dua rumpun bahasa yang berbeza corak budayanya juga akan berbeza.

## KESIMPULAN

Rumusannya, penterjemah perlu prihatin terhadap makna yang cuba disampaikan agar sebarang kekeliruan makna atau mentafsir makna yang

salah tidak berlaku. Namun begitu, penterjemah perlu lebih peka dalam menyampaikan makna yang relevan agar setiap makna yang disampaikan tidak kiralah melalui perkataan, frasa maupun ayat dapat dimanfaatkan. Dalam kajian ini, didapati lebih banyak kesalahan daripada sudut penggunaan dan bentuk bahasa. Hal ini dapat dilihat juga dalam kajian oleh Hartono (2017) yang menjelaskan bahawa terdapat dua jenis kesilapan dalam terjemahan iaitu kesilapan penyampaian maklumat dan kesilapan bentuk bahasa. Meskipun terdapat dua jenis kesilapan terjemahan namun kesilapan bentuk bahasa lebih dominan berbanding kesilapan penyampaian maklumat. Hasil terjemahan daripada responden juga mengalami kekeliruan makna kerana responden menterjemahkannya secara harfiah tanpa disesuaikan dengan makna dan penggunaan bahasa sasaran. Begitu juga dengan kajian oleh Paramita Widya Hapsari, M. R. Nababan & Djatmika (2017) yang menyatakan bahawa teknik yang boleh digunakan bagi mengekalkan kualiti terjemahan ialah teknik kesepadan lazim, sedangkan teknik harfiah merupakan teknik yang akan menyebabkan berlakunya kekaburuan makna. Febri Ayuningih (2017) mengatakan bahawa, kesalahan penggunaan bahasa berlaku kerana kurangnya pengetahuan struktur gramatikal dalam bahasa sasaran dan bahasa sumber. Jadi, jelaslah bahawa penguasaan dalam kosa kata bagi bahasa sumber dan bahasa sasaran sangat penting bagi seseorang penterjemah.

Kajian ini memberi manfaat kepada penterjemah kerana secara tidak langsung penterjemah dapat memahami dan lebih berhati-hati apabila menterjemahkan mengenai unsur budaya. Kesilapan dalam menterjemahkan budaya menyebabkan pembaca sasaran tidak memahami maksud sebenar yang ingin dijelaskan dalam teks sumber. Kajian ini juga penting terhadap penerbit bagi karya terjemahan. Pihak penerbit boleh meletakkan garis panduan bagi setiap terjemahan yang dilakukan oleh penterjemah sebelum menerbitkan karya tersebut. Hal ini bagi memastikan setiap keluaran karya terjemahan dapat dijaga kualitinya dan kebudayaan dalam sesuatu karya dapat difahami oleh pembaca sasaran. Walau bagaimanapun, pengkaji seterusnya

dapat mendalami secara meluas lagi mengenai unsur budaya dalam terjemahan. Pengkaji seterusnya boleh menjalankan kajian terhadap puisi atau cerita rakyat yang telah diterjemahkan. Justeru itu, pemahaman terhadap terjemahan unsur budaya dapat dilihat dengan lebih luas dan tidak hanya tertumpu pada pantang larang sahaja.

## RUJUKAN

- Abdul Basir. 2002. *Ketidakbolehterjemahan Katawi daripada Bahasa Arab ke Bahasa Melayu*. [Diakses pada 29 November 2017] dalam laman web <http://jurnalarticle.ukm.my/9763/1/12120-37306-1-PB.pdf>
- Abisamra, N. 2003. *An analysis of errors in Arabic speakers' English writings*. [Diakses pada 30 November 2017] daripada <http://abisamra03.tripod.com/nada/languageacq-erroranalysis.html>.
- Ainon Mohd & Abdullah Hassan. 2005. *Teori dan Teknik Terjemahan*. Selangor: Penerbit PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Azman Che Mat & Goh Ying Soon. 2010. Grammar in the classroom: students' expectations and reality: the case of Arabic and Mandarin. *Novitas-ROYAL* (Research on Youth and Language) 4(1): 51-63.
- Chris Ning Tyas. 2014. *The Translation of Figurative Language in The Poetry "The Morning After*. [Diakses pada 30 November 2017] dalam laman web <http://ojs.unud.ac.id/index.php/sastra/article/viewFile/10880/7690>.
- Febri Ayuningih. 2017. *Kesalahan dalam Penerjemahan Teks Berita Perancis*. [Diakses pada 1 Disember 2017] dalam laman web [https://www.researchgate.net/publication/321796333\\_KESALAHAN\\_DALAM\\_PENERJEMAHAN\\_TEKS\\_BERITA\\_PERANCIS\\_STUDI\\_KASUS\\_TERHADAP\\_MAHASISWA\\_SAstra\\_PRANCIS\\_UNIVERSITAS\\_HASANUDDIN](https://www.researchgate.net/publication/321796333_KESALAHAN_DALAM_PENERJEMAHAN_TEKS_BERITA_PERANCIS_STUDI_KASUS_TERHADAP_MAHASISWA_SAstra_PRANCIS_UNIVERSITAS_HASANUDDIN).
- Hartono. 2017. *Analisis Kesilapan Terjemahan Bahasa Inggris ke dalam Bahasa Indonesia*. [Diakses pada 30 November 2017 dalam laman web <http://ejournal.umm.ac.id/index.php/kembara/article/view/4042>.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. 2010. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khoirun Nisa Imam Suyitno. 2017. *Kesalahan Penggunaan Bahasa Indonesia dalam Teks Terjemahan Mahasiswa*. [Diakses pada 4 Disember 2017] dalam laman web <http://journal2.um.ac.id/index.php/basindo/article/view/694>.
- Goh Ying Soon & Azman Che Mat. 2009. Penterjemahan dan budaya. Dlm. Hasuria Che Omar & Rokiah Awang (pnyt.), Kompilasi kertas kerja persidangan penterjemahan antarabangsa Ke-12: Kelestarian bidang penterjemahan. Kuala Lumpur: Persatuan Penterjemah Malaysia.
- Mei Yuniati. 2017. *Pergeseran Bentuk dan Makna pada Teks Terjemahan (Subtitle) Film Sur La Piste De Marsupilami Karya Alain Chabat* (Dari Bahasa Prancis ke Bahasa Indonesia). [Diakses pada 30 November 2017] dalam laman web <http://eprints.uny.ac.id/46490/>.
- Noer Jihad Saleh. 2014. *Analisis Kesalahan Hasil Terjemahan Mahasiswa Sastra Inggris Unhas dalam Menerjemahkan Naskah Bahasa Indonesia ke dalam Bahasa Inggris*. [Diakses pada 4 Disember 2017] dalam laman web <http://jurnal.unhas.ac.id/index.php/jib/article/view/2382>.
- Noor Eliza Abdul Rahman, Raja Hazirah Raja Sulaiman & Najihah Abdul Wahid. 2015. *Aspek Semantik dalam Terjemahan Unsur Budaya Bahasa Melayu*. [Diakses pada 1 Disember 2017] dalam laman web [https://worldconferences.net/journals/icasic/vol4\\_n1/IC%2009%20ASPEK%20SEMANTIK%20DALAM%20TERJEMAHAN%20UNSUR%20BUDAYA%20KE%20BAHASA%20MELAYU%20\(done\).pdf](https://worldconferences.net/journals/icasic/vol4_n1/IC%2009%20ASPEK%20SEMANTIK%20DALAM%20TERJEMAHAN%20UNSUR%20BUDAYA%20KE%20BAHASA%20MELAYU%20(done).pdf).
- Norizah Ardi. 2010. *Asas dan Kemahiran Menterjemah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nurulhanis Ibrahim. 2014. *Analisis Strategi Penterjemahan Peribahasa Melayu ke Bahasa Arab*. [Diakses pada 29 November 2017] dalam laman web [http://studentsrepo.um.edu.my/5485/1/NURULHANIS\\_IBRAHIM%2C\\_TGA100013.pdf](http://studentsrepo.um.edu.my/5485/1/NURULHANIS_IBRAHIM%2C_TGA100013.pdf).
- Paramita Widya Hapsari, M. R. Nababan & Djatmika. 2017. *Kajian Terjemahan Kalimat yang Merepresentasikan Tindak Tutur Asertif Menjawab dalam Dua Versi Terjemahan Novel Pride and Prejudice*. [Diakses pada 1 Disember 2017] dalam laman web <https://jurnal.uns.ac.id/pjl/article/view/1066>.
- Popi Miyondri. 2017. *Analisis Terjemahan Bahasa Perancis pada Novel Perburuan Karya Pramoedya Ananta Toer*. [Diakses pada 30 November 2017] dalam laman web [http://ejournal.upi.edu/index.php/BS\\_JPBSP/article/view/6958](http://ejournal.upi.edu/index.php/BS_JPBSP/article/view/6958)
- Shanty Halim & Bustamin A.R. 2017. *Analisis Kesalahan dalam Penerjemahan Teks Bahasa Inggris-Bahasa Indonesia*. [Diakses pada 29 November 2017] dalam laman web <http://ejournal.iainpalopo.ac.id/index.php/ideas/article/download/438/380>.
- Yogi Rohana, Riyadi Santosa & Djatmika. 2017. *Gaya Bahasa, Teknik Penerjemahan, dan Kualitas Terjemahan dalam Dongeng Disney Dwibahasa Berjudul Cinderella: My Bedtime Story dan Tinkerbell and The Great Fairy Rescue*. [Diakses pada 29 November 2017] dalam laman web <https://jurnal.uns.ac.id/pjl/article/view/1736>.
- Yusup Irawan. 2016. *Ideologi Pengasingan pada Kosakata Budaya dalam Terjemahan Novel Breaking Dawn*. [Diakses pada 29 November 2017] dalam laman web <http://aksara.kemdikbud.go.id/jurnal/index.php/aksara/article/view/132/62>.
- Wiwick Dwi Astuti. 2017. *Pergeseran dan Modulasi dalam Buku Cerita Anak The Youngest Frog Berikut Terjemahannya (The Shift And Modulation in The Translation of Children's Storybook The Youngest Frog and its Translation)*. [Diakses pada 30 November 2017] dalam laman web <http://ojs.badanbahasa.kemdikbud.go.id/jurnal/index.php/kandai/article/download/297/119>.
- Zaitul Azma Zainon Hamzah & Ahmad Fuad Mat Hassan. 2011. Bahasa dan Pemikiran dalam Peribahasa Melayu. *GEMA Online Journal of Language Studies* 11(3): 31-51

Tuan Nur Aisyah Tuan Abdul Hamid  
Jabatan Bahasa Melayu  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
43400 Serdang, Selangor, Malaysia  
Tel: +60179713812  
E-mel: aisyahamidd@gmail.com

Diserahkan: 29 Mac 2019  
Diterima: 21 Jun 2019

